

PERENJAK PISANG
Common Tailorbird

FAMILI: Sylviidae
NAMA SAINTIFIK: *Orthotomus sutorius*



CIRI-CIRI

Individu dewasa mempunyai kombinasi warna kemerahan di bahagian depan atas kepala, bahagian atas badan yang berwarna hijau, bahagian bawah badan yang agak pudar dan ia mempunyai paruh dan ekor yang agak panjang. Selalunya menunjukkan jalur-jalur kelabu di bahagian kerongkong/tepi dada dan belakang tengkuk yang berwarna kelabu. Bagi burung juvenil, ia menunjukkan warna kemerahan di bahagian depan atas kepala adalah agak lusuh.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah 11.0-13.0 sm.

MAKANAN

Buah-buahan dan nektar.

HABITAT

Kawasan taman-taman, kawasan semak, rumpun buluh, kawasan pertanian, paya bakau dan boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,525 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang berulang *chee-yup chee-yup chee-yup... pitchik-pitchik-pitchik....* atau *te-chi te-chi te-chi te-chi....* Bunyi juga termasuklah bunyi yang kuat *pitt-pit-pit...* dan bunyi yang cepat *cheep-cheep*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan adalah dari bulan Januari hingga Oktober pada setiap tahun. Sarang berbentuk cawan yang dibina dari daun-daun dan sarang dilekatkan di kawasan semak atau pokok. Ketinggian sarang adalah sehingga ketinggian sehingga 5 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan sehingga 2-6 biji telur dan telur adalah berwarna putih, krim, merah jambu pudar ke biru kehijauan, dengan atau tanpa, tompok-tompok coklat-kemerahan, coklat, hitam dan ungu kehitaman. Anggaran saiz telur adalah 16.5 x 11.5 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.